

Modal insan TVET diperkukuh

Badan koordinasi bangun keperluan tenaga kerja mahir, jadikan institusi pilihan utama

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan menubuhkan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC) bagi memberi tumpuan pada usaha pembangunan modal insan, khu-

susnya berkaitan keperluan tenaga kerja mahir dan menjadikan institusi TVET pilihan utama belia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata badan itu dianggotai 12 persatuan membabitkan sektor industri, yang berganding bahu dengan kementerian berkaitan menjayakan agenda TVET negara.

Beliau berkata, keputusan berkenaan dicapai menerusi Mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) yang berlangsung secara telesidang, semalam, dihadiri 13 menteri, tokoh industri, termasuk daripada Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), ahli akademik dan wakil pelajar.



Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Majlis TVET Negara secara telesidang di Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan PMO)

Ismail Sabri berkata, mesyuarat itu juga bersetuju dengan pelaksanaan Hab Kerjasama TVET, membabitkan 11 kementerian, yang diselaraskan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Beliau berkata, sejumlah 12 hab dikenal pasti, termasuk automotif, semikonduktor, marin, penyaman udara, aeroangkasa, robotik, rel, telekomunikasi, hospitaliti dan pelancongan serta teknologi makanan yang akan dilaksanakan di seluruh negara.

Pelaksanaan inisiatif itu, katanya, bakal menyediakan graduan yang menepati keperluan industri, meningkatkan kualiti institusi TVET, memperkukuh penawaran program berorientasikan industri dan memperhebat keterbabitkan aktif industri.

"Tiba masanya untuk TVET menjadi pilihan utama belia dalam mempersiapkan mereka untuk masa depan kerana ini terbukti mampu melahirkan individu berkemahiran, terlatih dan berbudaya usahawan," katanya.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat turut bersetuju dengan

cadangan penarafan tunggal TVET, namun proses libat urus bersama kementerian serta industri perlu dilaksanakan sebelum dibentangkan semula dalam mesyuarat MTVET akan datang.

Beliau berkata, inisiatif itu dijangka memperkukuhkan simbiosis ekosistem TVET dalam menghubungkan pihak berkaitan untuk merapatkan jurang antara permintaan dan penawaran tenaga kerja.

Katanya, usaha yang dilaksanakan MTVET amat signifikan bagi merealisasikan strategi dan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) serta Bajet 2022, memperuntukkan RM6.6 bilion untuk pemerkasaan TVET.

Menyedari kepentingan TVET, Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu juga bersetuju supaya kenipen, promosi dan penjenamaan semula secara komprehensif bagi menghapuskan persepsi yang mengatakan TVET adalah pendidikan kelas kedua dan sudah tidak relevan lagi.

"Melalui kempen dan promosi ini, kita mengharapkan supaya

TVET dijadikan pilihan setara dengan akademik, sekali gus menjadi kerjaya pilihan seperti negara maju," katanya.

Untuk mencapai matlamat itu, beliau berkata, Kementerian Pendidikan diminta membuat pendedahan awal sistem pendidikan TVET kepada pelajar Tingkatan 1 supaya mereka boleh membuat pilihan bersesuaian dengan kecenderungan.

Sehingga kini, katanya, terdapat 1,295 penyedia TVET awam dan swasta yang merentasi 11 kementerian, termasuk 22 institusi TVET kerajaan negeri di seluruh negara yang menyediakan pengajian peringkat sijil dan diploma.

"Kerajaan kini mengiktiraf Diploma Vokasional Malaysia (DVM) sebagai laluan ke rangkaian universiti teknikal awam di Malaysia iaitu Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP)," katanya.